

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 30 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 40

## Sisa buangan punca Sungai Semenyih tercemar

**SHAH ALAM 29 Sept.** - Pencemaran bau di sumber air yang menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih terpaksa ditutup selama kira-kira 10 jam bermula pukul 5 petang semalam disyaki berpunca tindakan pihak tidak bertanggungjawab membuang sisa tidak dibenarkan ke dalam sistem pembentungan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian berkata, lokasi pembuangan sisa tidak dibenarkan itu dike-

san oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang menjalankan siasatan ke atas sistem 'man-hole' atau lurang jaringan pembentungan awam di Bandar Bukit Mahkota, Bangi dekat sini.

"Hasil siasatan mendapati satu lurang berbau pelarut di kawasan perumahan Bandar Bukit Mahkota yang berkemungkinan menjadi lokasi utama kemasukan pelarut sebelum ke loji kumbahan milik Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK).

"Sisa pembuangan ini tidak dapat dirawat loji kumbahan

dan menyebabkan bau pelarut yang kuat daripada pelepasan efluen loji IWK ini yang mengalir ke Sungai Beranang sebelum ke Sungai Semenyih yang merupakan sumber air kepada LRA Sungai Semenyih," katanya di sini hari ini.

Loy Sian berkata, bagi mengatasi masalah pencemaran bau berkenaan, pihaknya membuat pendosan activated carbon atau karbon diaktifkan sebanyak 575 kilogram pada sekitar 3 pagi tadi di loji berkenaan dan berjaya menurunkan kadar bau kepada satu ton di pelepasan efluen loji. - BERNAMA